



3 November 2022
3 November 2022
P.U. (A) 360

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(TATACARA MESYUARAT AGUNG
BADAN PEGUAM SYARIE) 2022

*SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(PROCEDURE OF GENERAL MEETING OF
BADAN PEGUAM SYARIE) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (TATACARA MESYUARAT AGUNG
BADAN PEGUAM SYARIE) 2022

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pengerusi
4. Fungsi Pengerusi
5. Kuasa Pengerusi
6. Kacau ganggu dalam mesyuarat agung
7. Perkara tertib mesyuarat
8. Pembawa usul
9. Perbahasan usul
10. Jawapan pembawa usul
11. Pindaan usul
12. Penarikan balik usul
13. Pengundian

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (TATACARA MESYUARAT AGUNG
BADAN PEGUAM SYARIE) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 44(a) Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [Akta 814], Badan Peguam Syarie membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tatacara Mesyuarat Agung Badan Peguam Syarie) 2022.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 4 November 2022.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota” ertinya anggota Badan Peguam Syarie yang hadir dalam suatu mesyuarat agung yang mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat agung di bawah Akta;

“mesyuarat agung” ertinya mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung luar biasa Badan Peguam Syarie;

“pembawa usul” ertinya orang yang membawa suatu usul dalam mesyuarat agung;

“Pengerusi” ertinya orang yang mempengerusikan semua mesyuarat agung Badan Peguam Syarie yang ditetapkan di bawah kaedah 3;

“usul” ertinya suatu cadangan ketetapan bagi pertimbangan dalam suatu mesyuarat agung.

Pengerusi

3. (1) Presiden hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat agung dan semasa ketidakupayaannya, Naib Presiden hendaklah mempengerusikan mesyuarat dan mempunyai segala kuasa Presiden.

(2) Jika Presiden atau Naib Presiden atas apa-apa sebab tidak berupaya untuk melaksanakan fungsi sebagai Pengerusi, Majlis Peguam Syarie hendaklah melantik mana-mana anggotanya untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(3) Naib Pengerusi atau anggota yang dilantik di bawah subkaedah (2), hendaklah semasa mempengerusikan mesyuarat agung di bawah Kaedah-Kaedah ini, disifatkan sebagai Pengerusi dan hendaklah mempunyai segala kuasa Pengerusi.

(4) Bagi maksud kaedah ini—

(a) “Presiden” ertinya Presiden Badan Peguam Syarie;

(b) “Naib Presiden” ertinya Naib Presiden Badan Peguam Syarie.

Fungsi Pengerusi

4. Pengerusi hendaklah mempunyai fungsi untuk—

(a) memastikan mesyuarat agung dikendalikan dengan baik, teratur dan saksama mengikut Akta dan apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta;

(b) memulakan mesyuarat agung secara rasmi;

- (c) memastikan penjalanan mesyuarat agung adalah teratur sebagaimana yang diperuntukkan dalam agenda atau yang dipersetujui selainnya oleh majoriti anggota;
- (d) membuat ketetapan mengenai perkara tertib mesyuarat dan persoalan tatacara lain yang dibangkitkan melalui usul atau selainnya;
- (e) menangguhkan mesyuarat agung secara sementara atau ke hari lain pada masa dan tempat sebagaimana yang diberitahu kepada anggota oleh Majlis Peguam Syarie;
- (f) menjalankan apa-apa fungsi sebagaimana yang difikirkannya patut dan sesuai untuk memastikan penjalanan sepatutnya mesyuarat agung.

Kuasa Pengerusi

5. Pengerusi hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) menetapkan had bilangan anggota yang dibenarkan bercakap mengenai apa-apa perkara, isu, persoalan atau usul;
- (b) menentukan susunan anggota yang dibenarkan bercakap mengenai apa-apa perkara, isu, persoalan atau usul;
- (c) menetapkan had masa bagi setiap anggota yang dibenarkan bercakap;
- (d) membenarkan ucapan bebas semasa perbincangan dan tidak membenarkan pengulangan, penyimpangan atau ulasan yang bersifat peribadi;
- (e) mengingatkan anggota mengenai kewajipan untuk berkelakuan dengan cara yang patut dan profesional; dan
- (f) menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang difikirkannya patut dan sesuai bagi memastikan penjalanan sepatutnya mesyuarat agung.

Kacau ganggu dalam mesyuarat agung

6. Sekiranya berlaku apa-apa kacau ganggu dalam suatu mesyuarat agung, Pengerusi hendaklah—

- (a) mengundang usul daripada mana-mana anggota mesyuarat untuk menyingkirkan mana-mana anggota yang menyebabkan kacau ganggu dalam mesyuarat agung atau yang enggan mematuhi ketetapan yang dibuat oleh Pengerusi; atau
- (b) menangguhkan mesyuarat agung secara sementara atau ke mana-mana hari yang lain pada masa dan tempat sebagaimana yang diberitahu kepada anggota oleh Majlis Peguam Syarie.

Perkara tertib mesyuarat

7. (1) Mana-mana anggota boleh membangkitkan perkara tertib mesyuarat pada masa ketidakteraturan itu berlaku dan perkara tertib mesyuarat itu hendaklah mendahului semua urusan lain dan adalah terbuka untuk perbincangan.

(2) Pengerusi hendaklah membuat ketetapan mengenai apa-apa perkara tertib mesyuarat yang dibangkitkan dalam subkaedah (1).

(3) Bagi maksud kaedah ini, “perkara tertib mesyuarat” ertinya suatu perkara yang dibangkitkan oleh mana-mana anggota dalam suatu mesyuarat agung mengenai apa-apa ketidakteraturan dalam mesyuarat itu.

Pembawa usul

8. (1) Pengerusi hendaklah mengundang pencadang usul yang dimasukkan dalam agenda atau mana-mana anggota yang dilantik oleh pencadang usul untuk membawa usulnya.

(2) Anggota yang lain boleh membawa usul yang sama jika—

(a) pencadang usul itu atau anggota yang dilantik olehnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak hadir semasa usul itu dipanggil; atau

(b) pencadang usul memilih untuk tidak meneruskan usul itu.

(3) Jika hal keadaan di bawah perenggan (2)(a) atau (b) berlaku dan tiada anggota lain yang bersedia untuk membawa usul itu, usul itu hendaklah luput, melainkan jika, berkenaan dengan hal keadaan di bawah perenggan (2)(a), mesyuarat agung, melalui usul tatacara yang dibawa oleh mana-mana anggota, menentukan bahawa usul itu hendaklah ditangguhkan bagi pertimbangan pada mesyuarat agung yang lain apabila pencadang usul atau anggota yang dilantik oleh pencadang usul itu hadir.

(4) Suatu usul tidak perlu mempunyai penyokong untuk dibawa dalam suatu mesyuarat agung.

Perbahasan usul

9. Pengerusi hendaklah mengundang anggota lain untuk berbahas bagi menyokong atau menentang usul yang dibawa di bawah kaedah 8.

Jawapan pembawa usul

10. (1) Pembawa usul boleh menjalankan haknya untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh mana-mana anggota setelah selesai perbahasan usul di bawah kaedah 9.

(2) Pembawa usul semasa menjalankan haknya untuk menjawab di bawah subkaedah (1), tidak boleh memperkenalkan apa-apa perkara baharu melainkan dibenarkan oleh Pengerusi.

(3) Jika Pengerusi membenarkan apa-apa perkara baharu diperkenalkan di bawah subkaedah (2), Pengerusi hendaklah mengundang mana-mana anggota untuk berbahas bagi menyokong atau menentang perkara baharu itu.

(4) Tiada perbincangan lanjut dibenarkan selepas pembawa usul memberikan jawapan bagi perkara baharu itu.

(5) Hak pembawa usul untuk menjawab boleh diketepikan oleh Pengerusi sekiranya tiada anggota yang berbincang bagi menyokong atau menentang usul itu.

Pindaan usul

11. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), pembawa usul atau mana-mana anggota boleh mencadangkan suatu pindaan kepada usul pada bila-bila masa selepas usul itu dipanggil untuk dibincangkan tetapi sebelum ia dikemukakan untuk pengundian.

(2) Apa-apa pindaan yang dicadangkan hendaklah terhad kepada pindaan yang melibatkan kesalahan perkeranian dan tidak boleh menyebabkan apa-apa perubahan substantif kepada usul yang asal.

(3) Seseorang anggota boleh mencadangkan suatu pindaan kepada usul tidak lebih daripada sekali dalam mana-mana mesyuarat agung.

(4) Pengerusi hendaklah mempunyai budi bicara untuk tidak membenarkan apa-apa cadangan pindaan kepada suatu usul jika dia berpendapat bahawa cadangan pindaan itu bertentangan dengan subkaedah (2).

Penarikan balik usul

12. Suatu usul boleh ditarik balik oleh pembawa usul pada bila-bila masa sebelum usul itu dikemukakan untuk perbincangan.

Pengundian

13. (1) Pengerusi hendaklah mengemukakan suatu usul untuk suatu pengundian—

(a) sekiranya tiada anggota berbincang bagi menyokong atau menentang usul itu; atau

(b) selepas semua anggota selesai berbahas dan pembawa usul selesai menjalankan haknya untuk menjawab perkara yang dibangkitkan dalam suatu perbahasan.

(2) Pengundian itu hendaklah dijalankan melalui pengiraan undi sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Setiap anggota berhak untuk mengundi hanya sekali bagi setiap usul.

(4) Bagi maksud pengundian, Pengerusi boleh, sekiranya usul itu mengandungi beberapa perkara yang perlu diputuskan secara berasingan, membahagikan usul itu kepada beberapa usul yang berasingan.

(5) Setiap usul yang berasingan yang disebut di bawah subkaedah (4) hendaklah dikira sebagai satu usul bagi maksud pengundian.

(6) Pengerusi hendaklah mengumumkan keputusan pengundian.

Dibuat 12 Oktober 2022
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
Presiden Badan Peguam Syarie

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(PROCEDURE OF GENERAL MEETING OF *BADAN PEGUAM SYARIE*) RULES 2022

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Chairperson
4. Functions of Chairperson
5. Powers of Chairperson
6. Disturbance in general meeting
7. Point of order
8. Mover
9. Debate of motion
10. Mover's reply
11. Amendment of motion
12. Withdrawal of motion
13. Voting

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) (PROCEDURE OF GENERAL MEETING OF *BADAN PEGUAM SYARIE*) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 44(a) of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [Act 814], the *Badan Peguam Syarie* makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the ***Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Procedure of General Meeting of *Badan Peguam Syarie*) Rules 2022.**

(2) These Rules come into operation on 4 November 2022.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“member” means a member of the *Badan Peguam Syarie* present at a general meeting who has the right to take part in the general meeting under the Act;

“general meeting” means an annual general meeting or extraordinary general meeting of the *Badan Peguam Syarie*;

“mover” means a person who moves a motion at a general meeting;

“Chairperson” means the person who preside at all general meetings of the *Badan Peguam Syarie* as specified under rule 3;

“motion” means a proposed resolution for consideration at a general meeting.

Chairperson

3. (1) The President shall preside over all general meetings and during his inability, the Vice President shall preside over the meeting and have all the powers of the President.

(2) If the President or the Vice President for any reason is prevented from performing his function as a Chairperson, the *Majlis Peguam Syarie* shall appoint any of its member to perform the function of the Chairperson.

(3) The Vice President or member appointed under subrule (2), shall while presiding over a general meeting under these Rules, is deemed as a Chairperson and shall have all the powers of the Chairperson.

(4) For the purposes of this rule—

(a) “President” means the President of the *Badan Peguam Syarie*;

(b) “Vice President” means the Vice President of the *Badan Peguam Syarie*.

Functions of Chairperson

4. The Chairperson shall have the functions to—

(a) ensure that the general meeting is convened properly, orderly and impartially in accordance with the Act and any rules made under the Act;

(b) formally commence the general meeting;

(c) ensure the conduct of the general meeting is in order as provided in the agenda or as may be otherwise agreed by majority of the members;

(d) make rulings on points of order and other procedural questions raised by way of motion or otherwise;

- (e) adjourn the general meeting temporarily or to any other day at the time and place as may be notified to the members by the *Majlis Peguam Syarie*;
- (f) carry out any function as he deems fit and proper to ensure the proper conduct of the general meeting.

Powers of Chairperson

5. The Chairperson shall have the power to—

- (a) prescribe limit as to the number of members allowed to speak on any matter, issue, question or motion;
- (b) determine the order of members allowed to speak on any matter, issue, question or motion;
- (c) prescribe limits for each member allowed to speak;
- (d) allow free speech during debate and to disallow repetition, deviation or comment which is personal in nature;
- (e) remind members of their duty to conduct in a proper and professional manner; and
- (f) carry out any power as he deems fit and proper to ensure the proper conduct of the general meeting.

Disturbance in general meeting

6. In the event of any disturbance in a general meeting, the Chairperson shall—

- (a) invite a motion from any member of the meeting to remove any member who causes a disturbance in the general meeting or refuses to abide by a ruling made by the Chairperson; or

- (b) adjourn the general meeting temporarily or to any other day at the time and place as may be notified to the members by the *Majlis Peguam Syarie*.

Point of order

7. (1) Any member may raise a point of order at the time of the irregularity occurred and such point of order shall take precedence over all other businesses and shall be opened for discussion.

(2) The Chairperson shall make his ruling on any point of order raised in subrule (1).

(3) For the purposes of this rule, “point of order” means a point raised by any member at a general meeting concerning any irregularity in the meeting.

Mover

8. (1) The Chairperson shall invite the proposer of a motion included in the agenda or any member appointed by the proposer of the motion to move his motion.

(2) Other member may move a similar motion if—

- (a) the proposer of the motion or the member appointed by him, as the case may be, is not present when the motion is called; or

- (b) the proposer of the motion chooses not to proceed with the motion.

(3) If circumstances under paragraph (2)(a) or (b) occurs and no other member is willing to move the motion, the motion shall lapse, unless if, in respect of the circumstances under paragraph (2)(a), the general meeting, by a procedural motion moved by any member, determines that the motion shall be deferred for consideration at another general meeting when the proposer of the motion or the member appointed by the proposer is present.

(4) A motion need not have a seconder to be moved in a general meeting .

Debate of motion

9. The Chairperson shall invites other members to debate for or against the motion moved under rule 8.

Mover's reply

10. (1) The mover may exersice his right to reply to the matter raised by any member after the completion of the motion debate under rule 9.

(2) The mover in exercising his right of reply under subrule (1), should not introduce any new matter unless allowed by the Chairperson.

(3) If the Chairperson allows introduction of any new matter under subrule (2), the Chairperson shall invite any member to debate for or against the new matter.

(4) No further debate is allowed after the mover has given his reply on the new matter.

(5) The mover's right of reply may be dispensed with by the Chairperson if there is no member who debates for or against the motion.

Amendment of motion

11. (1) Subject to subrule (2), the mover or any member may propose an amendment to a motion at any time after the motion has been called up for debate but before it is put for voting.

(2) Any amendment proposed shall be confined to amendment which involve clerical error and not to cause any substantive change to the original motion.

(3) A member may proposed an amendment to a motion not more than once in any general meeting.

(4) The Chairperson shall have the discretion to disallow any proposed amendment to a motion if he is of the opinion that such proposed amendment is contrary to subrule (2).

Withdrawal of motion

12. A motion may be withdrawn by the mover at any time before the motion is put to a debate.

Voting

13. (1) The Chairperson shall put a motion for a voting—

(a) if no member debates for or against the motion; or

(b) after all members finish debating and the mover finish exercising his right to reply matters raised in a debate.

(2) The voting shall be exercised through counting of votes as determined by the Chairperson.

(3) Each member is entitled to vote only once for each motion.

(4) For the purpose of voting, the Chairperson may, if the motion contains several matter to be decided separately, divides the motion into a separate motion.

(5) Each separate motion mentioned in subrule (4) shall be considered as one motion for the purpose of voting.

(6) The Chairperson shall announce the result of the voting.

Made 12 October 2022
[JAKIM.(R).BUU.600-1/1/9; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
President of Badan Peguam Syarie